

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership


Mercu Tanda Sebagai Jenama -Prof Abang Abdullah
30. Apr 2008
Utusan Malaysia
Supplement
238082
833287

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color

MALAY
16a,17a
964 cm2
Daily
Full Color



Mercu tanda sebagai jenama -Prof. Abang Abdullah



BAGI Profesor Abang Abdullah Abang Ali, reka bentuk bangunan yang dibina perlu mempunyai ciri-ciri tempatan supaya dapat disesuaikan dengan keadaan persekitaran dan budaya serta bagi keselesaan peng-


huni.

"Kita dapati banyak binaan negara ini tidak menepati ciri-ciri reka bentuk tempatan mungkin kerana kebanyakan arkitek dan jurutera yang mendapat latihan luar negara," katanya.

Bagi jurutera yang kini menerajui Pusat Penyelidikan Perumahan (HRC) di Uni-

versiti Putra Malaysia ini, kos pembinaan rumah sepatutnya boleh dikurangkan dengan pendekatan reka bentuk dan pembinaan terkini dan ia boleh dilaksanakan berdasarkan kajian HRC.

Ikuti wawancara bersama beliau dengan wartawan **LAUPA JUNUS**, baru-baru ini.



Apakah jawatan Prof. sekarang?

PROF ABANG ABDULLAH: Jawatan utama saya pada masa ini ialah Pengarah, Pusat Penyelidikan Perumahan (HRC), Universiti Putra Malaysia (UPM), Presiden, Persekutuan Insitituti-institusi Jurutera Negara-Negara Islam (FEIC) dan Presiden, Persatuan Kejuruteraan dan Teknologi, Malaysia (MSET).

Apakah bidang penyelidikan dan kepakaran Prof?

PROF ABANG ABDULLAH: Bidang penyelidikan saya ialah kejuruteraan struktur iaitu satu cabang kejuruteraan awam. Ia berkaitan dengan reka bentuk dan pembinaan sebarang struktur seperti bangunan, perumahan, jambatan, empangan dan sebagainya.

Apakah keistimewaan atau kelebihan bidang tersebut?

PROF ABANG ABDULLAH: Bidang kejuruteraan struktur khususnya dan kejuruteraan awam amnya penting bagi membolehkan kita menyediakan infrastruktur fizikal untuk kegunaan masyarakat dan industri seperti perumahan, jalan raya, bekalan air, sistem rawatan air kumbahan, perparitan, bangunan kerajaan dan perniagaan, kilang, struktur lepas pantai dan sebagainya. Malah kebanyakan struktur, termasuk bangunan pencakar langit yang kita lihat di merata dunia adalah hasil kerja jurutera awam dan struktur.

Secara ringkas apakah yang Prof boleh katakan mengenai kecenderungan banyak negara memajukan bangunan-bangunan tinggi dan pencakar langit sebagai mercu tanda?

PROF ABANG ABDULLAH: Oleh kerana adanya kepakaran dalam bidang seni bina bangunan pada masa ini, maka di kawasan bandar misalnya, yang keluasan tanah untuk pembangunan agak terhad, maka bangunan tinggi adalah cara meminimumkan penggunaan tanah.

Banyak negara juga sedang membina mercu tanda dalam bentuk bangunan tinggi misalnya projek bangunan tinggi terkini di Arab Saudi akan memberi ketinggian sebuah bangunan yang dicadangkan hingga 1.6 kilometer (satu batu), dan ini jauh lebih tinggi kalau dibandingkan dengan bangunan tertinggi di Malaysia, ia itu Menara Petronas yang pernah menjadi bangunan tertinggi di dunia.

Bidang kepakaran Prof memerlukan lebih ramai pakar, bagaimanakah cara untuk menggalakkan generasi muda untuk menceburi bidang tersebut?

PROF ABANG ABDULLAH: Bidang sains dan matematik amat penting dalam bidang reka bentuk dan pembinaan dan sebab itu

lebih ramai golongan muda perlu menceburi bidang ini, jika dibandingkan dengan bidang sastera.

Mereka perlu mengikuti program pendidikan kejuruteraan awam yang mencakupi reka bentuk dan juga pembinaan bangunan jika mereka ingin menceburi diri dalam bidang reka bentuk dan pembinaan bangunan.

Bagaimanakah peluang generasi muda dalam bidang tersebut? Apakah masa depannya?

PROF ABANG ABDULLAH : Peluang dalam kerjaya ini amat luas kerana pada masa ini bilangan jurutera tempatan yang mampu menjalankan kerja-kerja reka bentuk dan pembinaan bangunan tinggi adalah terhad dan peluang terlibat dalam kerja-kerja pembangunan bangunan tinggi di luar negara amat cerah, terutama sekali di negara-negara yang pesat membangun seperti di Timur Tengah, China dan India.

Pada pandangan Prof bagaimana bentuk seni bina yang sepatutnya diberi penekanan pada masa ini?

PROF ABANG ABDULLAH: Kita perlu mementingkan seni bina bercirikan tempatan dan mengambil kira kesan dan keperluan persekitaran. Keadaan negara kita yang panas dan mempunyai kelembapan tinggi misalnya memerlukan sistem peredaran dalam bangunan dan rumah bagi mengurangkan suhu dan kelembapan.

Selain itu, di kawasan yang sering mengalami ancaman bencana alam perlunya ada pendekatan reka bentuk yang dapat menghindar ancaman tersebut termasuk angin kencang dan gempa bumi.

Malah akademi kejuruteraan di Amerika Syarikat telah mengenal pasti kesan ben-



IR Abang Abdullah menunjukkan model rumah hasil penyelidikan HRC di UPM Serdang.

cana semulajadi dan ciptaan manusia sebagai ciri bidang reka bentuk yang penting pada masa akan datang.

Secara peribadi, apakah Prof berpuas hati dengan penyuburan bidang tersebut di negara ini

PROF ABANG ABDULLAH : Pada masa ini bilangan jurutera profesional tempatan yang ada masih belum mencukupi. Sebab itu kadangkala kita masih bergantung kepada perunding asing untuk menjalankan kerja-kerja reka bentuk untuk kita, khususnya untuk projek berprestij. Ini kerana perunding tempatan masih belum berupaya menjalankan kerja-kerja tersebut kerana kurang pengalaman profesional, sungguh pun mereka mungkin telah mendapat latihan akademik semasa di universiti.

Bagaimana caranya kita memberi ke-

sedaran kepada rakyat memahami dan menghargai binaan-binaan ini atau mercu tanda amat penting kepada negara?

PROF ABANG ABDULLAH: Kita perlu menyakinkan masyarakat tentang sumbangan tinggi jurutera-jurutera dalam pembangunan negara. Jurutera telah berjaya menyediakan infrastruktur fizikal yang amat diperlukan untuk kejayaan industri, perniagaan dan kehidupan rakyat.

Apakah syarat bagi pelajar yang berminat menceburi bidang tersebut?

PROF ABANG ABDULLAH: Pelajar yang ingin menceburi bidang ini perlu minat subjek Fizik dan Matematik selain mempunyai kecenderungan dalam bidang seni reka bentuk. Bakal jurutera hendaklah rajin dan mampu menjalankan kerja-kerja praktik selain daripada minat memahami ilmu akademik.



Biodata PROFESOR IR. ABANG ABDULLAH ABANG ALI FASc

Tarikh lahir: 24 Mei 1952
Tempat lahir: Kuching, Sarawak

Kelayakan dan pengkhususan

Ijazah Sarjana Muda Universiti Brighton dan Sarjana di Manchester, United Kingdom dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Struktur

Kelayakan dan pengalaman antaranya

- Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM (1987-1988)
- Felo Penyelidikan Persatuan Diraja, University Manchester United Kingdom (1988-1989)
- Felo Akademi Sains Malaysia sejak 2002

Kelayakan dan pengkhususan

- Pengarah Pusat Penyelidikan Perumahan (HRC) United Kingdom (mula Julai 1966-kini)
- Pengarah Institut Teknologi Maju (ITMA) UPM (1999-2001)
- Ahli Lembaga, Lembaga Jurutera Malaysia (2000-2005)
- Presiden Persekutuan Insititusi Kejuruteraan Negara-Negara Islam (FEIIC) (2002-kini)
- Penyelidik Pelawat, Universiti Cambridge (2003)
- Ahli Majlis dan Lembaga, Universiti Kuala Lumpur (2002-kini)
- Presiden, Institut Kejuruteraan Malaysia (2003-2005)
- Profesor Adjung, Universiti Malaysia Sarawak (2005-kini)
- Penasihat, Universiti Sains dan Teknologi, Raja Abdullah, Arab Saudi (2006-kini)